



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TINGKAH LAKU PONTENG SEKOLAH DALAM KALANGAN PELAJAR DI
SEBUAH SEKOLAH BERDASARKAN TEORI PILIHAN (*CHOICE THEORY*)**

NORYATI BINTI ISMAIL



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA
SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2010



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

28 Jun 2010

NORYATI BINTI ISMAIL
M20072000483



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Pertama sekali saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah swt, kerana dengan izin dan limpah kurniaNya saya telah dapat menyiapkan keseluruhan disertasi ini. Saya juga merasa amat bersyukur kerana mendapat seorang penyelia yang amat prihatin dan banyak membantu serta membimbing saya dalam menyediakan satu disertasi yang mantap. Jutaan terima kasih diucapkan kepada Dr Ahmad Jazimin bin Jusoh atas bimbingan, tunjuk ajar, nasihat dan dorongan yang telah diberikan. Sekali lagi ucapan terima kasih kerana tidak pernah jemu dan sentiasa sabar melayan karenah saya.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah serta rakan-rakan yang telah begitu banyak mencurahkan bantuan. Teguran dan pandangan kalian amat saya hargai. Hanya Allah yang dapat membalas segala jasa baik kalian.

Penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya titipkan buat suami tersayang Abdul Rahman bin Khalid yang begitu setia menemani, memberi dorongan dan bantuan. Juga buat anak-anak yang menjadi sumber inspirasi Azim, Akmal, Adli, Amir, Amri, Aziz dan Aqil. Terima kasih juga buat ayah dan ibu, Ismail bin Salip, Asiah bt Salleh dan Hjh Halimah Abdul Razak yang tidak pernah jemu mendoakan kejayaan saya.

TERIMA KASIH SEMUA





TINGKAH LAKU PONTENG SEKOLAH DALAM KALANGAN PELAJAR DI SEBUAH SEKOLAH BERDASARKAN TEORI PILIHAN (*CHOICE THEORY*)

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji tingkah laku ponteng sekolah dalam kalangan pelajar di sebuah sekolah di Perak berdasarkan Teori Pilihan (*Choice Theory*). Tujuan kajian adalah untuk menganalisis situasi psikologi kawalan luaran dan dalaman pelajar ponteng, mengkaji keperluan asas (*basic needs*) pelajar ponteng dan memahami tingkah laku keseluruhan (*total behaviour*) pelajar ponteng berdasarkan kepada aspek, perlakuan, pemikiran, perasaan dan fisiologi. Kajian ini berbentuk kajian kes. Seramai empat orang responden utama dan tiga orang informan tambahan terlibat dalam kajian kes ini. Data dikumpul dengan menggunakan kaedah temu bual. Hasil temu bual disokong dengan analisis dokumen. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian Nvivo. Hasil kajian menunjukkan elemen kasih sayang, keseronokan dan kebebasan adalah merupakan keperluan asas yang dominan dalam kalangan peserta kajian. Sementara situasi persekitaran sekolah dan sikap guru dikenal pasti sebagai pendorong utama kepada tingkah laku ponteng sekolah tersebut. Kajian ini menyumbang kepada para kaunselor dan psikologis dalam memahami tingkah laku ponteng berdasarkan Teori Pilihan seterusnya langkah awal dalam merancang pelan tindakan dalam menangani tingkah laku ponteng di sekolah.





TRUANCY AMONG STUDENTS AT A SECONDARY SCHOOL BASED ON CHOICE THEORY

ABSTRACT

This research was conducted to study truancy behaviour among students at a secondary school in Perak based on Choice Theory. The purpose of this study is to analyze the external and internal control psychology, the basic needs and the total behaviour of the students involve in truancy. The research design is a case study. A total of four main respondent and three additional respondents were involved in this study. Data were collected by structured interview and documents analysis. Data were analyze using Nvivo software. Research findings shows that the element of love and belonging, fun and freedom are the most dominant basic need's element among the respondents. School enviroments and the teachers attitude are also the contributing factors for truancy among respondents. The contribution of this study is meaningful in understanding the truancy behaviour among students based on Choice Theory so that early prevention can be taken in handling truancy behaviour in school.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii

BAB 1

PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pendekatan Teori	10
1.3.1	Teori Pilihan	11
1.3.2	Kerangka konseptual kajian	15
1.4	Pernyataan Masalah	18
1.5	Matlamat Kajian	26
1.6	Objektif Kajian	26
1.7	Soalan Kajian	27
1.8	Kesignifikan Kajian	27

1.9	Definisi Kajian	
1.9.1	Definisi Konsep dan Operasional	
1.9.1.1	Ponteng	28
1.9.1.2	Teori Pilihan	32
1.9.1.3	Psikologi Kawalan Luaran (<i>External Control Psychology</i>)	34
1.9.1.4	Psikologi Kawalan Dalam (<i>Internal Control Psychology</i>)	34
1.9.1.5	Dunia Sebenar (<i>Real World</i>)	35
1.9.1.6	Dunia Pengertian (<i>Perceived World</i>)	35
1.9.1.7	Keinginan individu (<i>Quality World</i>)	36
1.9.1.8	Keperluan asas (<i>Basic Needs</i>)	37
1.9.1.9	Skala pengimbang (<i>Comparing Place</i>)	37
1.9.1.10	Tingkah laku Keseluruhan (<i>Total Behaviour</i>)	38
1.10	Rasional Memilih Teori Pilihan	42
1.11	Limitasi Kajian	46
1.12	Rumusan	48

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	49
2.2	Kajian Luar Negara	
2.2.1	Ponteng	50
2.2.2	Ponteng dan Teori Pilihan	53
2.3	Kajian Dalam Negara	
2.3.1	Ponteng	55
2.3.2	Ponteng dan Teori Pilihan	60
2.4	Rumusan	60

BAB 3

METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	62
3.2	Reka Bentuk Kajian	63
3.3	Instrumen Kajian	65
3.3.1	Bahagian A : Temubual	66
3.3.2	Bahagian B : Analisis Dokumen	69
3.3.3	Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	70
3.4	Lokasi Kajian	73
3.5	Peserta Kajian	75
3.6	Prosedur Kajian	77
3.7	Proses Pengumpulan dan Pemprosesan Data	78
3.8	Penganalisan Data Kualitatif	80
3.9	Rumusan	81

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	82
4.2	Profil Peserta Kajian	83
4.3.	Soalan Kajian 1: Apakah situasi psikologi kawalan luaran dan dalaman yang menyebabkan pelajar ponteng sekolah	
4.3.1	Psikologi Kawalan Luaran	
	- Keluarga	86
	- Kawan-kawan	87
	- Persekitaran sekolah	88

4.3.2	Psikologi Kawalan Dalam	
	- Harapan atau keinginan	92
	- Dunia Pengertian	94
4.4	Soalan Kajian 2 : Bagaimana tingkah laku ponteng terjadi dari aspek keperluan asas berdasarkan Teori Pilihan	
4.4.1	Keperluan untuk disayangi dan menyayangi	
	i) Keluarga	96
	ii) Kawan-kawan	100
4.4.2	Keperluan untuk berkuasa	102
4.4.3	Keperluan untuk bergembira dan berseronok	104
4.4.4	Keperluan untuk bebas	105
4.4.5	Keperluan untuk kelangsungan hidup	106
4.5	Soalan Kajian 3 : Bagaimana tingkah laku ponteng terjadi dari aspek tingkah laku keseluruhan berdasarkan Teori Pilihan	108
4.6	Ringkasan dapatan kajian	112
4.6.1	Ringkasan dapatan berdasarkan soalan kajian - psikologi kawalan luaran dan dalaman	118
4.6.2	Ringkasan dapatan berdasarkan soalan kajian - tingkah laku ponteng dari aspek keperluan asas	118
4.6.3	Ringkasan dapatan berdasarkan soalan kajian - tingkah laku keseluruhan berdasarkan Teori Pilihan	119
4.6.4	Ringkasan aktiviti peserta kajian semasa ponteng sekolah	120
4.7	Rumusan	120

BAB 5

PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	122
5.2	Ringkasan Kajian	123
5.3	Perbincangan	
5.3.1	Perbincangan psikologi kawalan luaran dan dalaman peserta kajian	124
5.3.2	Perbincangan Keperluan Asas Peserta Kajian	126
5.3.3	Perbincangan Tingkah laku Keseluruhan Peserta Kajian	131
5.4	Implikasi Kajian	
5.4.1	Implikasi Teoritikal	136
5.4.2	Implikasi Praktikal	141
5.5	Masalah dalam menjalankan kajian	143
5.6	Sumbangan kajian	144
5.7	Saranan Penyelidikan akan datang	145
5.8	Rumusan	146

RUJUKAN	149
---------	-----

LAMPIRAN	156
----------	-----

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka konseptual kajian	17
1.2	Kerangka teoritikal Teori Pilihan	41
3.1	Triangulasi kajian kes	73
4.1	Tingkah laku ponteng dari aspek Keperluan Asas (Peserta Kajian 1)	113
4.2	Tingkah laku ponteng dari aspek Keperluan Asas (Peserta Kajian 2)	114
4.3	Tingkah laku ponteng dari aspek Keperluan Asas (Peserta Kajian 3)	116
4.4	Tingkah laku ponteng dari aspek Keperluan Asas (Peserta Kajian 4)	117
5.1	Tingkah laku keseluruhan peserta kajian	134
5.2	Model tingkah laku ponteng sekolah berdasarkan Teori Pilihan	140



SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1.1	Jenis dan bilangan kes salah laku 2008	22
1.2	Jenis dan bilangan kes salah laku sehingga Mei 2009	23
1.3	Kesalahan Berat (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.9 / 1975 K.P 8543 / Vol.2/(55)	30
1.4	Kesalahan Berat dan Hukuman (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.7 / 2003 KP(BS) 8591/ Jld.XVIII(7)	31
3.1	Statistik Pelajar Ponteng Di Lokasi Kajian bagi tahun 2009	75
3.2	Pengumpulan dan pemprosesan data	79
3.3	Penganalisisan Data Kualitatif	80
4.1	Profil peserta kajian	85
4.2	Data ponteng peserta kajian	86





SENARAI SINGKATAN

PK	Peserta Kajian
NVivo	<i>Non-numerical Unstructured Data Indexing Systematising and Theorising Vivo</i> (NUDI*ST VIVO)
PSKL	Psikologi Kawalan Luaran
PSKD	Psikologi Kawalan Dalaman
QW	<i>Quality World</i>
PW	<i>Perceived World</i>
KPA	Keperluan Asas
TLKS	Tingkah laku Keseluruhan
IT	Informan tambahan
PKHEM	Penolong Kanan Hal Ehwal Murid
GD	Guru Disiplin
GK	Guru Kaunseling





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan tajuk-tajuk penting dalam kajian yang akan dijalankan. Aspek yang disentuh adalah meliputi latar belakang kajian, pendekatan teori yang digunakan, pernyataan masalah, matlamat, objektif, persoalan dan juga kesignifikan kajian. Dalam bab ini pengkaji juga membicarakan tentang definisi konsep dan operasional, rasional memilih pendekatan teori dan juga limitasi kajian.





1.2 Latar Belakang Kajian

Golongan remaja merupakan aset yang amat penting dalam sesebuah negara. Mereka yang berada di ambang dewasa akan menjadi penentu hala tuju dan masa depan negara. Mereka bakal mewarisi semua yang diusahakan generasi kini. Malangnya, ramai remaja tidak sedar akan tanggung jawab mereka. Walaupun modenisasi dan kemajuan yang dikecapi hari ini telah menyediakan satu landasan yang serba lengkap dalam menuju ke arah kemajuan, ramai remaja masih leka dan tidak tahu menikmati serta menghargainya dengan baik.

Gambaran yang ada pada hari ini terutama yang melibatkan remaja yang masih bergelar pelajar ternyata kurang memberangsangkan dengan data-data yang jelas menunjukkan peningkatan jumlah keterlibatan remaja dengan gejala-gejala negatif yang boleh merosakkan diri mereka sendiri. Pernyataan ini disokong oleh berita-berita yang banyak disiarkan dalam akhbar-akhbar tempatan. Antaranya Harian Metro (2 Julai 2009) melaporkan kegiatan sekumpulan pelajar yang berpura-pura ke sekolah bagi mengelirukan ibu bapa sebelum ponteng untuk melakukan kegiatan pecah rumah di sekitar jajahan Pasir Puteh, Kota Bharu. Sembilan orang pelajar termasuk tiga perempuan di Pasir Mas pula sanggup berkongsi wang saku sebanyak RM5 seorang untuk menyewa rumah tumpangan di Rantau Panjang, dekat sini bagi dijadikan tempat lepak ketika ponteng sekolah (Berita Harian, 18 Ogos 2009).

Misi sekumpulan guru di Johor Bahru yang terpaksa menjadi 'paparazi' selama hampir dua bulan bagi menangani masalah pelajar ponteng di sebuah sekolah di bandar raya ini berjaya merakamkan kira-kira 50 gambar dan video pelajar terbabit





melakukan pelbagai kegiatan tidak berfaedah dan bermoral termasuk menonton filem lucah beramai-ramai (Harian Metro, 24 November 2009).

Kadar jenayah dan masalah sosial yang semakin meningkat, khususnya di kalangan pelajar sekolah bukan sahaja membimbangkan ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang bersekolah, tetapi ia turut memberi impak terhadap kredibiliti sekolah sebagai agen kawalan sosial yang seharusnya berperanan dalam pembentukan moral dan tingkah laku generasi muda. Setiap hari ada saja masalah disiplin yang membabitkan pelajar sekolah dilaporkan walaupun pelbagai usaha dilakukan untuk menanganinya. Masalah itu meninggalkan kesan terhadap institusi pendidikan dan guru secara tidak langsung. Kredibiliti mereka dipertikaikan kerana gagal membentuk disiplin dan sahsiah pelajar (Harian Metro, 20 Ogos 2007).



Segala macam langkah dan strategi telah dijalankan oleh pihak-pihak bertanggung jawab, tetapi masalah disiplin masih belum dapat diatasi sepenuhnya hingga membimbangkan kerajaan, pihak sekolah, ibu bapa dan masyarakat. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa setiap sekolah mempunyai pelajar bermasalah dan tidak berdisiplin (Berita Harian, 27 Julai 2007).

Pelbagai pihak sentiasa berbalah dalam mencari di mana titik mulanya permasalahan ini. Semuanya saling menuding jari menyalahkan pihak lain tanpa menyedari keterlibatan semua yang berkait dengan kehidupan pelajar sama ada secara langsung mahupun secara tidak langsung adalah menjadi penyebab kepada berlakunya situasi sekarang.





Isu ponteng bukanlah merupakan isu baru malah boleh dianggap sebagai cerita lama yang telah lapuk dan basi, namun begitu, entah di mana silapnya fenomena ini terus berlarutan dari dahulu hingga sekarang. Ia bukan hanya berlaku di negara ini, malah tidak keterlaluan jika dikatakan ia merupakan masalah global yang mana fenomena ini berlaku di hampir setiap negara tidak kira maju atau mundurnya sesebuah negara tersebut. Malah Jabatan Pendidikan Amerika Syarikat (1996) menyifatkannya sebagai

“ the first sign of trouble; the first indicator that a young person is giving up and losing his or her way. When young people start skipping school, they are telling their parents, school officials, and the community at large that they are in trouble and need our help if they are to keep moving forward in life”

(US Department of Education, Julai 1996)



Secara umumnya terdapat pelbagai sebab kenapa berlakunya fenomena ini, antaranya sikap kurang prihatin ibu bapa, latar belakang keluarga yang bermasalah, status sosio ekonomi yang rendah, faktor rakan sebaya dan juga faktor diri pelajar sendiri. Selain dari itu, faktor tiadanya minat atau motivasi ke sekolah, guru yang gagal memainkan peranan sebagai *role model*, jadual yang terlalu padat dan juga penyampaian guru yang membosankan juga turut menyumbang kepada berlakunya masalah ponteng. Banyak kajian telah dibuat dalam dan luar negara bagi mencari punca dan hubungan antara faktor-faktor yang disebutkan di atas dengan tingkah laku ponteng itu sendiri.





Antaranya adalah kajian yang telah dijalankan untuk melihat faktor sekolah termasuk hubungan yang tidak baik antara pelajar dengan guru oleh Corville-Smith, Ryan, Adams & Dalicando (1998). Jones, Harris & Finnegan (2002) pula mengkaji ketidaksesuaian penempatan jurusan atau aliran. Fokus juga diberikan kepada melihat sejauh mana keberkesanan dan konsistensi polisi memantau kehadiran yang digunapakai (Bell, Rosen & Dynlacht, 1994). Enomoto (1994) pula menyatakan apabila pelajar merasakan dan membuat tanggapan bahawa guru-guru tidak berapa kisah tentang ketidakhadiran mereka ke sekolah maka secara tidak langsung, motivasi mereka untuk ke sekolah juga berada pada tahap yang rendah.

Baker, Sigmon & Nugent (2001) menggariskan empat faktor penyebab ponteng berlaku iaitu faktor keluarga, sekolah, status ekonomi dan latar belakang pelajar yang pelbagai.



Twaite & Lampert (1997) dalam kajian mereka mendapati antara faktor keluarga yang menyebabkan pelajar ponteng sekolah ialah '*homelessness*' ataupun tiada keluarga. Sementara Jones et al. (2002), pula menambah faktor kemiskinan, ibu bapa tunggal, keluarga yang besar dan masalah pengangkutan memainkan peranan dalam peningkatan kadar ponteng sekolah.

Manakala Bell et al. (1994), menjelaskan konflik keluarga dan pengamalan disiplin keluarga yang kurang efektif termasuk ketidaktekalan dalam mendisiplin anak-anak, terlampau melindungi ataupun terlampau mengabaikan anak-anak dan tiada penerimaan ke atas anak-anak turut mempengaruhi faktor ponteng sekolah.





Sementara dalam konteks Malaysia, perhatian serta fokus yang serius diberikan dalam mencari punca dan seterusnya cuba menangani isu ponteng ini. Kementerian Pelajaran sendiri dalam Panduan bagi Mengatasi Masalah Ponteng di sekolah (1994) telah menjelaskan bahawa antara faktor penyebab salah laku ponteng kelas termasuklah diri sendiri, guru, kemudahan bilik darjah dan pengurusan sekolah.

Senario yang ada pada masa kini tidak jauh berbeza dengan dua puluh tahun yang lepas. Ini jelas dapat dilihat dalam kenyataan yang dikeluarkan oleh Ketua Penolong Pengarah, Sektor Pengurusan Kaunseling dan Disiplin baru-baru ini yang menyatakan; berdasarkan data kementerian, didapati jumlah kes ponteng masih menjadi isu utama kerana walaupun semakin berkurangan di sekolah menengah, di peringkat rendah ia masih membimbangkan. Ini berdasarkan peningkatan ketara direkod bagi kategori ponteng sekolah iaitu 0.04 peratus, selain kekemasan diri dan kurang sopan, masing-masing 0.02 peratus (Berita Harian, 9 Disember 2009).

Rozumah (2003) dalam Tiong Hsiaw Ching (2005), menyatakan Kementerian Pelajaran Malaysia dalam laporannya telah menyenaraikan tiga faktor diri pelajar yang menyebabkan wujudnya kejadian salah laku seperti ponteng sekolah. Faktor tersebut termasuk sikap negatif terhadap pelajaran seperti tidak berminat dan mudah jemu, tiada dorongan dan motivasi akibat kurang kemahiran asas belajar serta lebih mementingkan hiburan dan gangguan kesihatan diri.

Selain itu, faktor yang tidak kurang pentingnya, yang boleh menyebabkan masalah ponteng ialah sikap pelajar itu sendiri. Berdasarkan Abdullah, Rozumah,



Rumaya, Mansor, Tan, Asnarulkhadi dan Amna (2001), sikap pelajar yang mudah bosan mendorong salah laku disiplin di bilik darjah.

Kajian Azizi, Shahrin, Yusof dan How Lee Chan (2007) tentang masalah ponteng menyumbangkan dapatan tentang sikap peribadi pelajar itu sendiri. Menurut Azizi et. al, sikap pelajar yang sukakan hiburan dan mudah terikut-ikut dengan gaya penampilan artis yang mereka minati, seperti memakai pakaian yang berjenama dan stail rambut yang baru, jika tiada wang yang mencukupi, mereka rela ponteng sekolah untuk bekerja demi mendapat wang. Begitu juga, apabila pelajar tidak berminat dalam sesuatu mata pelajaran dan guru pula tidak berusaha menarik minat mereka, pelajar-pelajar itu akan hilang semangat belajar dan ponteng sekolah.

Kajian yang dijalankan oleh Corville-Smith et al. (1998), menjelaskan faktor peribadi pelajar yang mendorong kepada amalan ponteng adalah '*self-esteem*' yang rendah, rasa tidak cekap dalam akademik dan hubungan yang kurang rapat dengan orang lain.

Rakan sebaya di alam persekolahan adalah kumpulan rujukan murid yang memberikan 'sokongan moral' dalam mencari identiti pembentukan imej. Menurut Pomeroy (1990), rakan sebaya memberi peluang kepada mereka untuk mengikut piawai kumpulan itu dalam aspek-aspek gaya pakaian, pertuturan, orientasi kepada muzik, tarian, tayangan filem dan lain-lain. Masalahnya timbul apabila pendedahan seperti ini biasanya melibatkan nilai-nilai buruk yang membawa kepada keruntuhan disiplin dan moral mereka.



Gold (1970) dalam Jas Laile (2002), menyatakan bahawa teman sebaya dapat mempengaruhi tingkah laku remaja. Beliau mendapati bahawa pelajar devian lebih berkecenderungan untuk melakukan sesuatu yang bertentangan dengan peraturan sekolah bersama rakan sebaya berbanding bila berseorangan.

Vijayan (2000) pula mengatakan faktor sekolah, keluarga, rakan sebaya, diri sendiri, sosioekonomi dan jarak rumah dari sekolah mempengaruhi pelajar-pelajar sekolah menengah terlibat dengan salah laku ponteng. Sementara itu, faktor personaliti dan faktor persekitaran seperti sekolah dan saiz keluarga mempengaruhi tahap disiplin pelajar-pelajar sekolah menengah (Wong Siew Lai, 2001)

Dari sudut personaliti pula, masalah disiplin di kalangan pelajar-pelajar boleh dikaitkan dengan sejenis kecelaruan tingkah laku iaitu '*Conduct Disorder*' dan '*Oppositional Defiant Disorder*'. Pelajar-pelajar yang mempunyai masalah kecelaruan tingkah laku '*Conduct Disorder*' dengan sengaja berkelakuan anti sosial dan melanggar norma-norma masyarakat dan hak orang lain. Sementara bagi mereka yang menghadapi kecelaruan '*Oppositional Defiant Disorder*' pula menunjukkan tindak balas negatif dan menentang terhadap arahan ibu bapa, guru-guru dan pihak berkuasa (Nevid, Rathus & Greene, 2003).

Mohd Salleh (1998) pula menyatakan bahawa masalah disiplin dan salah laku pelajar bukan disebabkan oleh pelajar berkenaan semata-mata tetapi juga disebabkan oleh kelemahan sistem sekolah itu sendiri. Antara kelemahan sistem sekolah ialah :

1. Sekolah menggunakan kuasa tertentu dan tiada alternatif lain.
2. Berorientasikan peperiksaan menyebabkan tekanan mental dan sosial.





3. Guru tidak mampu melayan dengan sepenuhnya pelajar-pelajar yang melebihi 35 orang dalam sekelas.
4. Murid tidak puas hati dengan pengajaran guru terutamanya dalam mata pelajaran yang berat seperti Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris.
5. Bebanan kerja yang banyak dan kegagalan untuk menyiapkannya menyebabkan pelajar didenda.-
6. Taraf disiplin sekolah tidak terpelihara, tidak tegas dari segi pelaksanaan dan kawalannya.
7. Tiada kerjasama antara guru disiplin, guru agama, guru penolong kanan dan pengetua.
8. Pentadbiran sekolah tidak peka dan memandang remeh masalah disiplin.
9. Pihak sekolah tidak berani mengenakan denda yang berat terhadap kesalahan disiplin kerana bimbang akan tentangan ibu bapa pelajar.



Pandangan Mohd Salleh telah disokong oleh dapatan kajian oleh Melati (1999). Kajian beliau mengenai punca-punca tekanan di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah mendapati guru dan akademik adalah punca yang memberi tekanan yang paling tinggi kepada pelajar-pelajar berbanding faktor keluarga dan rakan sebaya.

Hasil kajian Tan (2006) juga menunjukkan terjadinya kes ponteng adalah disebabkan suasana persekitaran sekolah terutama yang berubah secara mendadak akibat dari proses pembandaran. Pembinaan pusat membeli belah dan pusat-pusat hiburan yang terlalu hampir dengan sekolah akan menjadi faktor penarik kepada gejala ponteng sekolah. Manakala suasana persekitaran dalam sekolah seperti stail kepimpinan pengetua, pendekatan warga guru dan persekitaran sekolah yang tidak





kondusif menjadi faktor penolak yang menyebabkan berlakunya kejadian ponteng di kalangan pelajar.

Walaupun statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dari segi jumlah murid yang terbabit salah laku disiplin keseluruhan termasuk ponteng sekolah untuk tempoh Januari hingga Jun 2009 menunjukkan penurunan sebanyak 0.01 peratus iaitu 1.26 peratus, berbanding 1.27 peratus untuk tempoh yang sama tahun lalu, namun realitinya kadar ponteng di kalangan pelajar masih berada di tahap yang membimbangkan walaupun pelbagai langkah telah dijalankan oleh semua pihak bagi menangani masalah ini. Pelbagai kajian telah dijalankan bagi mencari punca dan dalam masa yang sama mencari penawarnya. Namun begitu, kebanyakan kajian yang telah dibuat sebelum ini lebih menjurus kepada mencari punca atau faktor berlakunya tingkah laku ponteng secara luaran tetapi belum ada yang cuba mengkaji dan memahami permasalahan ini secara psikologikal dan lebih spesifik lagi dari perspektif Teori Pilihan.

1.3 Pendekatan Teori

Terdapat banyak teori kaunseling yang boleh diguna pakai untuk memahami kenapa seseorang individu itu bertingkah laku. Namun untuk kajian ini, pengkaji memilih Teori Pilihan untuk dijadikan panduan dan rujukan dalam usaha untuk cuba mengkaji kenapa pelajar yang terbabit dalam kajian ini ponteng sekolah.



1.3.1 Teori Pilihan

Teori Pilihan dan Terapi Realiti diasaskan oleh William Glasser (seorang psikologis di California). Beliau dilahirkan pada 1925, di Cleveland, Ohio. Mendapat latihan sebagai psikiatrik di Veterans Administration Center di Los Angeles dan UCLA di Los Angeles (Corey, 2009). Semasa dalam latihan beliau mendapat kesedaran bahawa terdapat perbezaan antara apa yang telah dipelajarinya (model Freud) dengan apa yang boleh dipraktikkannya yang mana dirasakannya boleh mendatangkan lebih manfaat (Sabariah, 2005).

Menurut Glasser (1998), Teori Pilihan menjelaskan tentang bagaimana otak bekerja sebagai sistem kawalan dan merupakan asas teori kepada Terapi Realiti. Otak berfungsi sebagai sistem kawalan yang mengawal fikiran untuk menentukan bagaimana individu seharusnya bertindak laku dalam usaha memuaskan keperluan.

Teori Pilihan membincangkan tentang bagaimana seseorang individu itu bertindak laku dan mengapa mereka bertindak laku sedemikian. Manakala Terapi Realiti pula adalah merupakan aplikasi teori kaunseling yang digunakan dalam Teori Pilihan untuk menolong klien. Teori Pilihan percaya bahawa semua tingkah laku digerakkan oleh kehendak dalaman dan bukannya disebabkan oleh pengaruh luaran atau persekitaran. Ringkasnya setiap tingkah laku yang dipilih adalah merupakan cubaan yang terbaik untuk mendapatkan apa yang individu mahu bagi memenuhi keperluannya. Teori Pilihan juga menekankan individu mempunyai pilihan dalam menentukan tingkah lakunya dan individu seterusnya harus bertanggungjawab atas pilihan yang dibuat.

Dengan lain perkataan , Teori Pilihan menerangkan tentang bagaimana seseorang individu itu bertingkah laku. Teori itu juga menjawab persoalan mengapa seseorang itu bertingkah laku. Manakala Terapi Realiti pula adalah merupakan suatu proses untuk individu memahami kenapa dia bertingkah laku sedemikian dan hasil pemahamannya itu akan membolehkan individu itu memilih dan membuat keputusan yang tepat untuk kehidupannya.

Wubbolding dan Brickell, 2007 (dalam Ahmad Jazimin, 2008) pula merujuk Terapi Realiti sebagai sistem penghantaran iaitu jika Teori Pilihan adalah laluan keretapi, maka Terapi Realiti adalah keretapinya. Kesimpulannya Terapi Realiti berfokus kepada kemahiran untuk mengendalikan masalah individu manakala Teori Pilihan pula memfokuskan pengetahuan kenapa seseorang individu itu bermasalah.

Glasser, 1965 (dalam Ahmad Jazimin, 2008) melihat masalah manusia berpunca daripada keperluan asas yang tidak dipenuhi. Semua tingkah laku manusia adalah dipandu oleh keperluan asas. Keperluan asas individu merangkumi aspek fisiologi dan psikologi. Fisiologi adalah meliputi keperluan untuk kelangsungan hidup (*survival*) yang menerangkan aspek keinginan biologi individu terhadap makanan, air, tempat tinggal dan seks . Dalam masa yang sama manusia juga berusaha untuk memuaskan empat aspek keperluan psikologi iaitu '*power*' (kuasa), '*love and belonging*' (disayangi dan menyayangi), '*freedom*' (kebebasan) dan '*fun*' (keseronokan).

Keperluan untuk disayangi dan menyayangi merangkumi keperluan kasih sayang, hubungan intim, rasa dipunyai oleh keluarga, rakan, majikan dan orang



sekeliling. Keperluan yang kedua pula adalah berorientasikan pencapaian atau kuasa iaitu berkemahiran, cekap, mempengaruhi, penghargaan sendiri, dihargai, konsep sendiri dan persaingan. Keperluan kebebasan bermaksud individu mempunyai keinginan untuk memilih apa yang wajar untuk dirinya. Melalui kebebasan yang diperoleh individu juga cenderung untuk membuat keputusan tentang apa yang mereka mahu dalam hidup. Sementara keseronokan pula ialah keperluan psikologikal yang diinginkan oleh individu untuk membolehkan individu itu bermain, berehat, ketawa, gembira dan berinteraksi. Selain itu, keperluan dari aspek kelangsungan hidup merangkumi wang yang cukup, keselamatan yang dilindungi dan seksual yang sihat (Ahmad Jazimin, 2008).



Teori pilihan agak berbeza dengan teori-teori kaunseling dan psikoterapi yang lain kerana ia menolak konsep '*Mental Illness*' atau sakit jiwa, sakit mental, neurotik dan kecelaruan psikotik. Glasser berpendapat '*schizophrenic*' dan '*depressive psychosis*' adalah berpunca dari reaksi terhadap perkara persekitaran. Pada dasarnya pelakuan '*neurotic*' atau '*psychotic*' adalah pelakuan yang kita pilih sebagai cara bertujuan mengawal dunia kita. Teori ini memfokuskan kepada tingkah laku dan bukan kepada perasaan dan sikap. Tumpuan adalah pada masa kini kerana seperti pendekatan existential, teori pilihan berdasarkan andaian bahawa kita bukan mangsa kepada masa lampau atau masa depan, kecuali kita memilih untuk menjadi demikian. Dalam lain perkataan kita bukan mangsa kepada dorongan alam tidak sedar (*unconscious motivations*). Glasser menekankan manusia berupaya mengawal hidup sendiri lebih daripada apa yang mereka percaya (Amir Awang, 1987; Sabariah Siron, 2005).





"Lebih berkesan kita berlatih terhadap kawalan kita, lebih sempurna jadinya kita" (Glasser, 1989). Justeru, kita bukan mangsa kepada persekitaran atau peristiwa luaran kita, sebaliknya kuasa perubahan berada di dalam diri kita.

Menurut Glasser apa yang individu lakukan dari lahir hingga meninggal dunia adalah bertingkah laku. Tingkah laku adalah motivasi dalaman yang dipilih. Malah setiap tingkah laku keseluruhannya adalah cubaan yang terbaik untuk mendapatkan apa yang individu mahu bagi memuaskan keperluannya. Otak manusia pula sebagai sistem kawalan kepada semua tingkah laku yang ditonjolkan (Corey, 2009).

Walaupun pada dasarnya manusia memiliki 5 keperluan asas yang sama, namun cara setiap individu memenuhi keperluan itu berbeza (Corey, 2009). Manusia membina '*picture album*' dalaman dengan kehendak-kehendak yang khusus, yang juga disebut sebagai '*quality world*' (keinginan individu) yang mengandungi imej-imej menunjukkan bagaimana cara individu memenuhi keperluan.

Glasser juga menekankan konsep tingkah laku keseluruhan yang dibentuk oleh 4 komponen yang tidak boleh dipisahkan iaitu tindakan (*acting*), fikiran (*thinking*), perasaan (*feeling*) dan fisiologi (*physiology*).

Setiap individu hanya boleh mengawal tingkah laku sendiri. Seseorang individu tidak boleh mengawal tingkah laku orang lain. Justeru cara paling baik mengawal peristiwa di sekeliling kita adalah melalui apa yang kita lakukan (Glasser, 1998).



Masalah timbul apabila individu tidak dapat memenuhi apa yang mereka ingini. Glasser menyatakan konflik timbul apabila apa yang individu itu inginkan tidak sama dengan apa yang individu itu dapat. Oleh itu, ianya akan mewujudkan keseronokan dan kesakitan melalui skala imbalan. Perkara ini akan mempengaruhi tingkah laku keseluruhan yang merangkumi aspek tindakan, pemikiran, perasaan dan fisiologi. Keseluruhan tingkah laku menyumbang kepada identiti berjaya dan identiti gagal. Personaliti gagal terbentuk apabila individu gagal memenuhi prinsip keperluan asasnya dengan cara yang bertanggungjawab. Personaliti gagal biasanya kecewa dengan kehidupan dan sentiasa menafikan kegagalan yang mereka hadapi untuk mengurangkan kesakitan yang dirasakan. Akibat kekecewaan dan putus asa tadi, personaliti akan memilih simptom negatif dan akhirnya mengalami tingkah laku yang tidak efektif. Individu yang gagal ini akan melarikan diri daripada tanggung jawab setelah emosi dan pemikirannya terganggu. Glasser juga berpandangan bahawa kebanyakan individu bermasalah kerana mereka menolak realiti kehidupan dan tidak mahu bertanggung jawab bagi kehidupan mereka sendiri (Ahmad Jazimin, 2008).

Kegagalan ini mendorong manusia untuk memilih tingkah laku yang tidak berkesan dan tidak sesuai hingga membawa kepada kegagalan seterusnya. Individu akan memperlihatkan tingkah laku delinkuen bagi menafikan realiti dan dalam masa yang sama cuba mempertahankan kewajaran tingkah laku tersebut .


1.3.2 Kerangka konseptual kajian

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kenapa pelajar ponteng sekolah dari perspektif Teori Pilihan. Skop kajian difokuskan kepada menganalisis aspek



psikologi kawalan luaran dan psikologi kawalan dalaman yang mana menurut Glasser (1998) didasari secara genetiknya oleh keperluan fisiologi iaitu keperluan untuk kelangsungan hidup diikuti dengan empat keperluan psikologi iaitu keperluan untuk disayangi dan menyayangi, keperluan untuk berkuasa, keperluan untuk bebas serta keperluan untuk berseronok. Kajian seterusnya menganalisis bagaimana desakan memenuhi keperluan asas membentuk tingkah laku keseluruhan peserta kajian yang melibatkan komponen tindakan, fikiran, perasaan dan fisiologi. Glasser (1998) menegaskan individu tidak hanya bertanggungjawab untuk memilih apa yang mereka lakukan, tetapi juga apa yang mereka fikirkan, rasakan dan mengalaminya secara fizikal. Dalam konteks kajian ini, tingkah laku keseluruhan yang dimaksudkan ialah ponteng sekolah. Rajah 1.1 di bawah dapat memperjelaskan lagi kerangka konseptual kajian ini.





Rajah 1.1 Kerangka Konseptual Kajian



1.4 Pernyataan Masalah

Peningkatan kadar masalah disiplin di sekolah-sekolah Malaysia yang mendadak menimbulkan tanda tanya dan membingungkan pelbagai pihak mengenai punca sebenar berlakunya fenomena ini. Berdasarkan data yang telah dibentangkan oleh Rusni bt Hj Abd Jalil, Ketua Unit HEM, Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur (11 September 2006), ponteng dicatatkan sebagai salah laku yang paling banyak direkodkan dalam Sistem Salah Laku dan Disiplin Murid (SSDM) diikuti masalah buli, kekemasan diri, menghisap rokok dan mencuri. Ini menunjukkan masalah ponteng merupakan masalah yang tiada penghujungnya, walaupun berbagai-bagai langkah telah dilaksanakan bagi menangani masalah ini.



Sesetengah pihak menganggap ponteng sebagai masalah atau salah laku ringan serta perkara kecil dan remeh yang tidak perlu diperbesar-besarkan. Ponteng sekolah bukan hanya sekadar salah satu masalah disiplin namun persoalan yang lebih besar adalah ke mana dan apakah aktiviti yang mereka lakukan semasa ponteng. Malah seawal tahun 1915 lagi, ahli-ahli sosiologi sudah menamakan ponteng sebagai '*kindergarten of crime*' di mana ianya merupakan langkah pertama yang akhirnya menjerumuskan ramai remaja ke lembah yang tidak diingini (Mulrine, 2001).

Garry (1996) mengatakan bahawa ponteng adalah langkah pertama kepada kehidupan yang penuh dengan masalah. Walsh (1993) dalam Hyacinth Foo (2003) pula melaporkan bahawa pelajar yang terlibat dalam kes ponteng sekolah mempunyai





kebarangkalian 3.5 kali ganda akan terlibat pula dalam salah laku jenayah. Beliau juga menegaskan masalah ponteng boleh dikatakan sebagai punca kepada gejala sosial yang lain. Ringkasnya, ponteng merupakan antara faktor utama ke arah masa depan yang bermasalah.

Sebenarnya dalam konteks institusi pendidikan di Malaysia, ponteng telah berkembang daripada asalnya iaitu sebagai masalah disiplin bertukar ke tahap gejala sosial di dalam kalangan pelajar sekolah. Hal ini tidak boleh diambil ringan memandangkan seawal 1995 lagi, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia iaitu Tan Sri Dr Wan Mohd Zahid Mohd Noordin sendiri telah mengeluarkan Pekeliling Ikhtisas Bil 6/1995: Menangani Masalah Ponteng di Sekolah. Ini adalah berdasarkan laporan salah laku pelajar sekolah yang menunjukkan bahawa ponteng sekolah dan ponteng kelas adalah merupakan jenis salah laku yang tertinggi peratus penglibatan di kalangan pelajar. Pekeliling 6/1995 itu menyatakan dengan tegas bahawa ponteng sekolah dan ponteng kelas adalah merupakan perlakuan yang menyalahi peraturan sekolah. Adalah dikuatiri jika pelajar dibiarkan ponteng sekolah dan ponteng kelas sehingga menjadi amalan dan tabiat memandangkan ia boleh membawa kesan negatif terhadap diri pelajar sendiri, keluarganya dan juga sekolah (Abd Halim & Mohd Al Adib, 2008). Disebabkan implikasi besar yang mungkin wujud di kemudian hari bertitik tolak daripada masalah ponteng menyebabkan Kementerian Pelajaran menyenaraikannya sebagai antara salah laku disiplin yang serius.



Kebimbangan mengenai gejala ponteng turut disuarakan oleh para pemimpin negara. Contoh yang jelas ialah apabila isu ini turut diperbincangkan dalam sidang Parlimen beberapa kali, antaranya Parlimen yang bersidang pada Isnin, 9 Julai 2007 dan dibangkitkan sekali lagi pada persidangan 3 Disember 2007.

Jumlah pelajar yang terlibat dengan salah laku disiplin termasuk ponteng tidak terhenti di situ malah semakin berkembang. Ini jelas dibuktikan dengan liputan-liputan akhbar dan media massa yang dibuat dari semasa ke semasa. Sekadar memetik beberapa keratan akhbar berkaitan, kira-kira 1.09 peratus atau 76 300 pelajar daripada jumlah tujuh juta keseluruhan pelajar di negara ini terbabit dengan pelbagai masalah disiplin seperti ponteng, buli, samseng sehingga kes-kes yang lebih berat dan serius seperti mencederakan dan membunuh (Berita Harian, 8 September 2003).

Berita Harian bertarikh 19 Mei 2005 pula menyatakan, seramai 5 807 pelajar didapati ponteng sekolah dalam tempoh tahun 2002 hingga 2004, kata Ketua Penolong Pengarah, Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Asisten Komisioner (ACP) Aishah Mohamad. Beliau berkata, jumlah tersebut dikesan melalui 650 pemeriksaan di bawah Operasi Ponteng Sekolah (Ops Sayang) yang telah dijalankan oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dalam tempoh berkenaan.

Peningkatan angka yang terlibat dapat dilihat dengan jelas menerusi kenyataan yang dikeluarkan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, P. Komala Devi, ia

melibatkan 5,025 pelajar yang dibuang sekolah pada tahun 2003, 5,427 orang (2004), 7,493 orang (2005) (Berita Harian, 13 November 2007).

Seterusnya, rekod Kementerian Pelajaran pada tahun (2007) menunjukkan 21 060 orang pelajar (0.39 peratus) dikesan terlibat dengan gejala ponteng. Sementara Harian Metro, 20 Jun 2009 melaporkan seramai 21,000 pelajar sekolah dilaporkan terbabit gejala ponteng sekolah sepanjang 2008.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin turut menggesa ibu bapa dan sekolah memberikan perhatian serius terhadap gejala ponteng dan gengsterisme di kalangan pelajar. Muhyiddin berkata, walaupun hanya segelintir murid terbabit dalam jenayah, keadaan itu tidak boleh dipandang ringan (Berita Harian, 26 Ogos 2009).

Data statistik bagi tahun 2008 dalam Jadual 1.1 yang dikeluarkan oleh Pejabat Pelajaran Daerah Kinta Utara hasil dari maklumat yang dikumpulkan melalui Sistem Salah Laku Disiplin Murid (SSDM) menunjukkan dengan jelas kedudukan salah laku ponteng di tempat teratas carta keseluruhan kes salah laku murid (rujuk lampiran) iaitu sebanyak 1535 kes yang melibatkan 1122 orang pelajar.

Jadual 1.1
Jenis dan Bilangan Kes Salah Laku
2008

Jenis Salah Laku	Bilangan Pelajar	Bilangan Kes
Jenayah	575	594
Lucah	126	130
Kekemasan Diri	327	375
Tidak Pentingkan Masa	264	408
Kurang Sopan	754	828
Laku Musnah	112	113
Tidak Jujur	60	62
Ponteng	1 122	1 535
Kenakalan / Hooliganism	439	379
JUMLAH	3 779	4 424

Statistik SSDM Daerah Kinta Utara (2008)

Sehingga Mei 2009 sahaja, angka dalam Jadual 1.2 telah menunjukkan sebanyak 748 kes yang melibatkan 557 orang pelajar. Pengkaji menekankan data statistik bagi Daerah Kinta Utara kerana pengkaji akan menjalankan kajian di daerah ini.

Jadual 1.2
Jenis dan Bilangan Kes Salah Laku
Sehingga Mei 2009

Jenis Salah Laku	Bilangan Pelajar	Bilangan Kes
Jenayah	298	310
Lucah	46	46
Kekemasan Diri	178	203
Tidak Pentingkan Masa	105	166
Kurang Sopan	400	426
Laku Musnah	75	75
Tidak Jujur	23	23
Ponteng	557	748
Kenakalan / Hooliganism	220	194
JUMLAH	1 902	2 191

Meskipun hakikatnya angka-angka yang dilihat besar ini masih dianggap kecil jika dibandingkan dengan jumlah keseluruhan pelajar, ia tidak boleh dipandang sebelah mata dan dianggap remeh terutama oleh pihak-pihak yang terlibat secara langsung dengan dunia pendidikan mahupun masyarakat keseluruhannya. Persoalan mengenai punca atau faktor-faktor penyebab berlakunya fenomena ini masih menjadi tanda tanya dan terus menjadi pertikaian antara pihak-pihak yang berkaitan secara terus dengan pelajar. Adakah faktor dalam sekolah atau luar sekolah yang lebih memainkan peranan, atau adakah faktor persekitaran atau adakah ianya berlaku disebabkan diri individu itu sendiri. Pada dasarnya, satu pendekatan sistematik diperlukan dalam menangani



permasalahan ini dan selari dengan usaha Kementerian Pelajaran cuba menghapuskan hukuman korporal seperti rotan di sekolah agar pendekatan yang sejajar dengan pendekatan Pendidikan Berasaskan Hak Asasi Manusia yang menjadi amalan di peringkat antara bangsa dan diperakukan oleh Tabung Pendidikan Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (*Unicef*) (Berita Harian, 8 Julai 2008), strategi berkesan melalui amalan disiplin positif yang menekankan keberkesanan kaunseling perlu dilaksanakan.

Brammer dan Shostrom (1982), mengatakan bahawa pengaplikasian pendekatan kaunseling sangat penting untuk membantu klien yang menghadapi kesulitan psikologi. Teori kaunseling pada dasarnya dapat menerangkan apa yang berlaku dalam perhubungan kaunseling & menolong kaunselor untuk membuat andaian, menilai & memperbaiki keputusan klien. Teori menyediakan kerangka untuk membuat pemerhatian saintifik berkaitan dengan kaunseling. Kelicinan proses kaunseling terganggu sekiranya kaunselor tidak menggunakan sebarang teori kaunseling yang berkesan.

Aplikasi teori kaunseling juga dapat memberikan satu kesimpulan dan tanggapan tentang manusia. Di samping itu dapat membantu memperihalkan even dan proses yang berlaku dalam diri manusia. Penggunaan teori juga membantu meramal punca masalah yang dihadapi oleh manusia, membantu membina matlamat dan seterusnya teknik yang ada dalam teori dapat membantu melicinkan pelan tindakan (Ahmad Jazimin, 2008).

Sehubungan dengan itu, pengkaji merasakan perlunya dibuat satu kajian berteraskan teori kaunseling bagi memahami kenapa tingkah laku ponteng ini berlaku.





Pengkaji memilih Teori Pilihan kerana teori ini dengan jelas menekankan bahawa walaupun manusia mempunyai kebebasan untuk membuat pilihan namun terdapat faktor psikologi kawalan luaran yang banyak mengganggu individu untuk memilih apa yang diinginkan. Selain itu, teori ini dipilih kerana teori ini juga menekankan bahawa individu bukan mangsa kepada masa lampau atau masa depan, kecuali individu sendiri memilih untuk menjadi demikian. Dalam lain perkataan individu bukan mangsa kepada dorongan alam tidak sedar (*unconscious motivations*). Aspek ini penting kerana menurut Cole, 1982 (dalam Ahmad Jazimin 2008), kaunselor hendaklah menekankan tingkah laku masa kini untuk memudahkan klien menyedari tentang apa yang sedang dia lakukan dan pilihan-pilihan yang dibuat olehnya.

Teori ini dalam masa yang sama turut menitik beratkan ciri-ciri positif dalam diri individu seperti potensi diri, kejayaan, kelebihan dan kualiti positif (Glasser 1998).

Seterusnya adalah diharapkan dapatan hasil kajian ini nanti akan akhirnya menjadi titik tolak dalam usaha mencari penawar yang sesuai bagi merawat sindrom yang sekiranya dibiarkan akan akhirnya menjadi wabak yang sukar dibendung.



1.5 Matlamat Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tingkah laku ponteng sekolah dalam kalangan pelajar di sebuah sekolah menengah dalam Daerah Kinta Utara, di negeri Perak berdasarkan Teori Pilihan.

1.6 Objektif Kajian

Berdasarkan tujuan di atas, maka objektif kajian ini adalah untuk :

- i) Mengenal pasti psikologi kawalan dalaman dan psikologi kawalan luaran yang menyebabkan pelajar terlibat dengan masalah ponteng sekolah.
- ii) Melihat tingkah laku ponteng sekolah berdasarkan aspek keperluan asas (disayangi dan menyayangi, kuasa, kebebasan, keseronokan dan kelangsungan hidup)
- iii) Melihat tingkah laku ponteng sekolah pelajar berdasarkan tingkah laku keseluruhan (tindakan, fikiran, perasaan, fisiologi)



1.7 Soalan Kajian

Berdasarkan objektif di atas, maka kajian ini bertujuan untuk menjawab beberapa persoalan seperti berikut :

- a) Apakah situasi psikologi kawalan dalaman dan psikologi kawalan luaran yang menyebabkan pelajar terlibat dengan tingkah laku ponteng?
- b) Bagaimana tingkah laku ponteng terjadi dari aspek keperluan asas?
- c) Bagaimana tingkah laku ponteng dari aspek tingkah laku keseluruhan?

1.8 Kesignifikan Kajian



Terdapat beberapa kepentingan atau kesignifikan kajian ini dijalankan. Dengan adanya kajian ini, diharapkan dapat membantu para guru kaunseling yang terlibat secara langsung dalam mendidik pelajar untuk memahami permasalahan yang timbul dan seterusnya bersama-sama memainkan peranan dalam usaha mencegah, menyelesaikan dan membina pendekatan yang sesuai bagi menangani permasalahan ini.

Seterusnya hasil kajian akan secara langsung memberi sumbangan terutamanya kepada guru kaunseling yang sememangnya menggunakan Teori Pilihan. Hasil kajian ini akan dapat membantu guru kaunseling yang menggunakan Terapi Realiti untuk lebih memahami bagaimana tingkah laku ponteng sekolah berlaku dari perspektif Teori Pilihan.





Pemahaman yang jelas akan membolehkan sesi kaunseling individu dan kaunseling kelompok Terapi Realiti dikendalikan dengan lebih berkesan.

Dapatan kajian ini juga dapat digunakan oleh guru-guru serta pengkaji-pengkaji yang berminat dengan Teori Pilihan termasuk psikologis dan pengamal-pengamal kaunseling.

1.9 Definisi Kajian

1.9.1 Definisi Konsep dan Operasional

1.9.1.1 Ponteng



Masyarakat umum memahami konsep ponteng itu sebagai ketidakhadiran untuk menjalankan tugas atau tanggungjawab yang telah ditetapkan. Konsep ponteng digunakan bukan sahaja di bidang pendidikan khususnya di sekolah tetapi ianya merangkumi bidang pekerjaan juga.

American Psychology Association Dictionary of Psychology (2007) mentafsirkan ponteng (*truant*) sebagai ketidak hadiran ke sekolah tanpa kebenaran (*absence from school without permission*). Kamus Psikologi ini juga menyatakan ponteng yang berterusan terutama di kalangan mereka yang di bawah umur 13 tahun adalah merupakan



pencabulan yang serius ke atas peraturan atau undang-undang. Ia merupakan salah satu tanda atau simptom ‘Kecelaruan Tingkah Laku’.

“persistent truancy before the age of 13 is an example of a serious violation of major rules; one of the symptoms of CONDUCT DISORDER. Also called school truancy”

Kementerian Pelajaran dalam (Pekeliling Kementerian Pendidikan, 1975) dan diperjelaskan sekali lagi dalam Pekeliling Kementerian Pendidikan 1994 (Panduan Bagi Mengatasi Masalah Ponteng Sekolah) seperti yang tertera dalam Jadual 1.3 mendefinisikan ponteng sekolah sebagai ketidakhadiran ke sekolah tanpa sebarang sebab alasan yang boleh diterima selama tiga hari berturut-turut. Tindakan yang diterima oleh pelajar yang tidak hadir selama tiga hari berturut-turut tanpa sebab yang munasabah ialah surat amaran yang pertama. Selain daripada itu, pelajar-pelajar juga dianggap ponteng jika tidak hadir secara berkala selama 10 hari dan turut diberi amaran pertama.

Seterusnya jika pelajar tidak hadir tanpa sebab secara berturut-turut selama 10 hari atau berkala selama 20 hari mereka akan menerima surat amaran ke dua yang berdaftar. Pelajar-pelajar yang masih tidak hadir ke sekolah secara berturut-turut selama 17 hari atau 40 hari secara berkala, akan menerima surat amaran terakhir secara berdaftar beserta amaran kepada penerima. Akhir sekali, pelajar boleh dibuang sekolah jika tidak hadir ke sekolah tanpa sebab selama 31 hari berturut-turut atau 60 hari secara berkala.

Jadual 1.3

Kesalahan Berat (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.7 / 1975 K.P 8543 / Vol.2/(55)
TIDAK HADIR Ke sekolah tanpa sebab akan diambil tindakan seperti berikut :

Tindakan	Tidak Hadir Berturut-turut	Tidak Hadir Berkala
Surat Amaran Pertama	Pada hari ketiga	Pada hari ke sepuluh
Surat Amaran Kedua (berdaftar)	7 hari selepas amaran pertama	10 hari selepas amaran Pertama
Surat Amaran Terakhir (berdaftar)	7 hari selepas amaran kedua	20 hari selepas amaran kedua
Buang sekolah	14 hari selepas amaran terakhir	20 hari selepas amaran kedua
Jumlah hari	31 hari berturut-turut	60 hari

Sumber : Unit Disiplin, Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1994

Pekeliling Kementerian (2003) seterusnya mendefinisikan ponteng sekolah sebagai melakukan ponteng sekolah berterusan (berturut-turut) selama 30 hari atau (tidak berturut-turut) selama 60 hari selama 1 tahun sesi persekolahan. Kementerian dalam pekeling ini (Jadual 1.4) meletakkan ponteng sekolah dalam kategori kesalahan berat dan boleh dikenakan hukuman rotan.

Jadual 1.4

Jenis Kesalahan dan Hukuman yang Boleh Dikenakan Mengikut Jenis Kesalahan
(Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.7 / 2003 KP(BS) 8591/Jld.XVIII (7))

BIL	JENIS KESALAHAN	JENIS HUKUMAN
1.	* Kesalahan Berat	Rotan di punggung dengan dilapik pakaian dengan menggunakan rotan ringan (maksima 3 kali sebatan)
2.	** Kesalahan Sederhana	Rotan di tapak tangan dengan menggunakan rotan ringan (maksima 3 kali sebatan)
3.	*** Kesalahan Ringan	Diberi Amaran dan sesi kaunseling

Bagi tujuan kajian ini, pengkaji memilih pelajar yang tidak hadir atau telah ponteng melebihi 17 hari berturut-turut atau 40 hari sekiranya berkala. Kumpulan pelajar ini tergolong pada tahap ketiga dalam pelaksanaan hukuman dan tindakan yang boleh diambil kerana ponteng sekolah berdasarkan pekeliling Kementerian Pelajaran seperti dalam Jadual 1.3. Pemilihan pelajar sebagai subjek adalah berpandukan rekod kedatangan pelajar. Berdasarkan data dalam rekod kedatangan harian pelajar, jenis-jenis kes ponteng yang signifikan iaitu ponteng yang melebihi 17 hari berturut-turut atau 40 hari jika tidak hadir berkala dapat dikenalpasti. Kes ponteng yang kronik melibatkan pelajar yang ponteng tanpa menunjukkan satu corak atau trend tertentu. Kes ponteng yang berkala pula melibatkan pelajar yang tidak hadir ke sekolah pada hari-hari tertentu dalam seminggu atau sebulan. Akhir sekali terdapat pelajar yang ponteng untuk satu jangkamasa yang panjang tetapi mereka akan kembali ke sekolah sebelum tindakan buang sekolah dapat dikenakan ke atas mereka oleh pihak sekolah.

1.9.1.2 Teori Pilihan

Teori Pilihan yang dipelopori oleh William Glasser seperti juga teori-teori kaunseling yang lain membincangkan tentang bagaimana seseorang individu itu bertingkah laku dan mengapa mereka bertingkah laku. Pendekatan ini menekankan bahawa manusia mempunyai kebebasan, boleh membuat pilihan dan bertanggungjawab terhadap pilihan tersebut. Glasser (1998) mengatakan pada dasarnya setiap individu memilih untuk bertingkah laku sebagaimana yang diinginkan termasuklah bersedih. Orang lain tidak akan dapat membuat individu gembira atau bersedih jika individu sendiri tidak membenarkannya. Glasser berpendapat apa yang individu perolehi dan beri dalam hubungan dengan manusia lain hanyalah sekadar maklumat-maklumat yang tidak akan meninggalkan apa-apa kesan hinggalah individu berkenaan memprosesnya dalam otak dan kemudiannya barulah keputusan tentang tindakan yang akan dilakukan seterusnya dibuat.

Glasser menekankan tingkah laku yang dipilih selalunya adalah atas dasar memenuhi keperluan asas individu walaupun biasanya ia tidak sama dengan apa yang diperoleh dalam dunia realiti individu itu. Konflik selalunya timbul setelah individu memilih '*needs*' untuk bertingkah laku walau pun hakikatnya ia bercanggah dengan dunia realitinya yang sebenar (Ahmad Jazimin, 2008).

Berdasarkan prinsip Teori Pilihan, setiap manusia secara genetiknya adalah termotivasi untuk cuba memenuhi keinginan semua keperluan asasnya untuk mengelak

kesakitan dan kekecewaan sekiranya ia tidak dapat dipenuhi. Namun begitu, kehendak dan keperluan kepada setiap keperluan asas yang digariskan adalah berbeza bagi setiap individu bergantung kepada pengalaman dan persepsinya terhadap setiap pengalaman yang dilalui (Kevin, Jan & Andre, 2004).

Pernyataan ini dikuatkan dengan pandangan Glasser (1998) sendiri yang mengatakan bahawa manusia menghasilkan tingkah laku untuk mencapai matlamat bagi memenuhi keinginan mereka, memenuhi kehendak dan menutup jurang antara apa yang manusia hendak dan apa yang mereka rasa mereka dapat daripada dunia luar. Dalam masa yang sama faktor luaran banyak mengganggu individu untuk memilih apa yang individu inginkan.

Glasser (1998) mengatakan manusia bermasalah atau menghadapi konflik apabila individu tidak dapat memenuhi apa yang mereka inginkan berdasarkan keperluan asas. Rentetan dari itu, individu akan gagal memilih tingkah laku yang berkesan. Konflik juga timbul apabila individu tidak mahu bertanggungjawab ke atas pilihan yang dibuat. Pada dasarnya, pilihan individu boleh menghasilkan keseronokan atau kesakitan melalui skalaimbangan. Pilihan tersebut juga mempengaruhi tingkah laku keseluruhan yang merangkumi aspek tingkah laku, pemikiran, perasaan dan fisiologi (Ahmad Jazimin, 2008).

Kajian ini akan menumpukan fokus terhadap pemahaman beberapa komponen dalam Teori Pilihan seperti berikut:

1.9.1.3 Psikologi Kawalan Luaran (*External Control Psychology*) :

Masyarakat atau mereka yang berada di sekeliling seseorang individu seperti ibu bapa, adik beradik serta guru begitu bersungguh dan berdedikasi untuk cuba mempengaruhi individu berkenaan untuk bertingkah laku mengikut cara mereka. Desakan atau paksaan ini adalah merupakan psikologi kawalan luaran yang banyak mengganggu individu untuk memilih apa yang diinginkan. Masalah timbul bertitik tolak dari kepercayaan dalam masyarakat yang percaya individu boleh dipaksa melakukan perkara-perkara yang mereka tidak mahu.

1.9.1.4 Psikologi Kawalan Dalam (Internal Control Psychology) :

Glasser (1998) menekankan Teori Pilihan adalah merupakan satu bentuk psikologi kawalan dalaman seseorang dan menolak tanggapan bahawa tingkah laku manusia adalah dibentuk oleh psikologi kawalan luaran yang lebih terarah kepada menghukum dan pengawalan ke atas orang lain jika individu tersebut enggan melakukan apa yang dikehendaki atau disuruh. Sebaliknya psikologi kawalan dalaman akan terhasil setelah tingkah laku yang dipilih berdasarkan kepada motivasi dalaman, pilihan sendiri, fleksibel, bermatlamat dan kreatif.

As an "Internal Control Psychology" this holds that we are all controlled from within by our own Basic Needs and not by external stimuli. The concept of internal control emphasises that we cannot control others.

.1.9.1.5 Dunia Sebenar (*Real World*) :

Pada asasnya manusia hidup dalam dua dunia iaitu luaran atau dunia sebenar (*real world*) dan juga dunia dalaman mereka sendiri (*perceived world*). Dunia sebenar yang merupakan dunia luaran manusia meliputi maklumat tentang semua peristiwa dan kejadian yang berlaku dalam hidup yang merangkumi persekitaran termasuk mengenai diri individu sendiri (Glasser, 1998).

1.9.1.6 Dunia Pengertian (*Perceived World*) :

Semua peristiwa dan kejadian yang berlaku dalam dunia sebenar akan direkod sebagai pengalaman dan mendatangkan pengertian serta tafsiran yang berbeza pada setiap individu dan sangat subjektif bergantung kepada budaya, tahap pendidikan, jantina, umur dan faktor-faktor persekitaran yang lain yang mungkin mendatangkan efek yang berbeza kepada individu yang berlainan. Semua peristiwa dan pengalaman inilah yang akan membentuk nilai dan pengetahuan seseorang tentang sesuatu. Dunia pengertian membantu individu memahami dunia yang didiami. Ada kalanya pemahaman individu betul tetapi kadang-kadang ada yang salah. Kesimpulannya, tindakan individu dipengaruhi oleh cara individu melihat dunia luaran, dan bukan dipengaruhi oleh dunia luaran. Tingkah laku adalah merupakan kehendak individu mengawal persepsinya terhadap dunia luaran supaya ianya serasi dengan keperluan, kepuasan dunia dalaman (Glasser, 1998).



1.9.1.7 Keinginan individu (*Quality World*) :

Menurut Glasser (1998), keinginan individu adalah merupakan gambaran mengenai keinginan seseorang individu yang meliputi gambaran mengenai idolanya (*picture of people*), perkara yang paling diinginkan dan sistem kepercayaannya. Setiap individu mempunyai gambaran kehendak masing-masing (*personal picture album*). Ianya bergantung kepada sejauhmana pengalaman individu dengan orang lain, benda, kepercayaan dan situasi yang dialami. Semuanya ini akan menghasilkan satu kehendak yang individu sendiri tetapkan. Manusia membina keinginan dalaman dengan kehendak-kehendak yang khusus, yang mengandungi imej-imej menunjukkan bagaimana cara untuk memenuhi keperluan.



Oleh kerana apa yang berlaku dalam dunia pengertian adalah di luar kawalan maka pengalaman yang diperolehi individu dalam dunia pengertian tidak semestinya sama dengan apa yang dikehendaki seperti yang terbina dalam '*quality world*'.

Pada dasarnya keperluan asas manusia adalah universal atau sama tetapi keinginan setiap individu adalah unik. Gambaran setiap individu dalam dunia ini sentiasa berubah-ubah dan boleh diubah, memenuhi satu atau lebih keperluan asas, ada kalanya timbul konflik antara satu keinginan dengan keinginan yang lain (Glasser, 1998).





1.9.1.8 Keperluan asas (*Basic Needs*) :

Menurut Glasser (1998), keinginan individu terbentuk atas dasar memenuhi lima keperluan asas manusia iaitu keperluan perasaan untuk disayangi dan menyayangi, untuk berkuasa, untuk bergembira dan berseronok, untuk bebas dan merdeka dan keperluan untuk selamat dan kelangsungan hidup. Pada dasarnya manusia memiliki 5 keperluan asas yang sama, namun cara setiap individu memenuhi keperluan itu berbeza.

Glasser (1998) menegaskan semua tingkah laku adalah disengajakan. Tingkah laku yang terhasil adalah merupakan cubaan terbaik pada masa itu berdasarkan pengetahuan dan kemahiran yang ada bagi memenuhi keperluan asas seseorang individu. Keperluan ini berkembang seiring dengan masa dan menjadi sebahagian daripada struktur genetik manusia. Desakan memenuhi keperluan-keperluan inilah yang menjadi pendorong kepada setiap tingkah laku manusia.

1.9.1.9 Skala pengimbang (*Comparing Place*) :

Glasser (1998) menyatakan masalah timbul apabila individu tidak dapat memenuhi apa yang mereka ingini atau dengan lain perkataan apa yang diperoleh dalam dunia pengertian tidak sama dengan apa yang dikehendaki. Perbandingan akan dibuat antara apa yang diperoleh dengan apa yang sebenarnya dikehendaki (keinginan).



Skala pengimbang adalah merupakan proses yang berlaku berterusan di dalam otak. Skala seimbang bermakna individu mendapat apa yang dikehendaki sementara skala tidak seimbang pula terjadi apabila individu tidak dapat apa yang diinginkan. Situasi ini akan mewujudkan keseronokan (*pleasure*) dan kesakitan (*painful*) – bergantung kepada pilihan & komitmen. Ini pula akhirnya akan mempengaruhi tingkah laku keseluruhan yang merangkumi aspek tindakan, pemikiran, perasaan dan fisiologi (Glasser, 1998).

1.9.1.10 Tingkah laku keseluruhan (*Total Behaviour*) :

Tingkah laku keseluruhan melibatkan empat komponen iaitu tindakan, fikiran, perasaan dan fisiologi. Ini bermaksud individu bertanggungjawab bukan hanya memilih apa yang ingin dilakukan, tetapi juga apa yang mereka fikirkan, rasakan dan mengalaminya secara fizikal. Tingkah laku adalah sengaja dan keseluruhannya berasal daripada dalaman individu dan bukannya daripada kuasa luaran. Walau pun faktor persekitaran mempengaruhi keputusan yang individu lakukan, namun ianya tidak menentukan perlakuan seseorang individu. Semua perlakuan daripada dorongan dalaman disediakan ke arah mencapai perkara yang memuaskan satu atau lebih daripada satu keperluan asas manusia (Glasser 1998) .

Menurut Glasser (1998), pada dasarnya manusia boleh mengawal apa yang dibuat (tindakan) dan difikirkan (fikiran) sebaliknya tidak boleh mengawal perasaan (perasaan) dan tindak balas atau respon badan (fisiologi) kerana manusia bukan robot. Oleh itu, untuk menukar perasaan dan fisiologi; individu perlu terlebih dahulu menukar tindakan


atau tingkah laku dan pemikiran. Keseluruhan tingkah laku menyumbang kepada identiti berjaya dan identiti gagal.

Konsep teoritikal Teori Pilihan dapat dihuraikan dan dilihat dengan lebih jelas dalam Rajah 1.2 di bawah. Menurut Glasser (1998), semua individu pada dasarnya hidup dalam dua dunia iaitu dunia luaran atau dunia sebenar (*real world*) dan juga dunia dalaman mereka sendiri (*perceived world*). Semua peristiwa dan kejadian yang berlaku dalam '*real world*' akan direkod sebagai pengalaman dan mendatangkan pengertian serta tafsiran yang berbeza pada setiap individu. Di sinilah terbentuknya nilai dan pengetahuan seseorang individu tentang sesuatu. Apa yang berlaku dalam '*perceived world*' adalah di luar kawalan. Pengalaman yang diperolehi individu dalam '*perceived world*' tidak semestinya sama dengan apa yang dikehendaki iaitu '*quality world*'. Glasser menyatakan '*quality world*' terbentuk atas dasar memenuhi lima keperluan asas (*basic needs*) manusia iaitu keperluan perasaan untuk mempunyai dan dipunyai (*love and belonging*), untuk berkuasa (*power*), untuk bergembira dan berseronok (*fun*), untuk bebas dan merdeka (*freedom*) dan keperluan untuk selamat (*survival*). Kepincangan salah satu keperluan asas akan menyebabkan kehendak yang dibentuk menjurus kepada memenuhi keperluan tersebut. Contohnya, pelajar yang kurang mendapat kasih sayang serta perhatian akan cenderung membentuk tingkah laku yang pada pendapat mereka dapat memenuhi keperluan untuk disayangi. Dan adakalanya individu cuba mendapatkan sesuatu untuk memenuhi kehendak mereka dengan cara bertingkah laku negatif. Individu kemudiannya akan membuat perbandingan serta pertimbangan antara apa yang individu kehendaki (*quality world*) dengan apa yang individu dapat dari dunia sebenar (*perceived world*) pada



peringkat '*comparing place*'. Sekiranya individu mendapat apa yang dimahukan maka skalanya akan seimbang dan sebaliknya pula skala akan menjadi tidak seimbang apabila apa dikehendaki tidak sama dengan apa yang diperolehi. Di sinilah timbulnya konflik yang mana akhirnya akan menghasilkan tingkah laku keseluruhan (*total behaviour*) individu.





Rajah 1.2 Kerangka teoritikal Teori Pilihan
(disesuaikan dari Institut William Glasser, CA)





1.10 Rasional Memilih Teori Pilihan

Dalam bidang kaunseling ada banyak jenis kajian dan salah satu kajiannya adalah kajian kes yang digunakan untuk memahami individu. Bagi memahami individu dalam kaunseling pemahaman perlu berdasarkan perspektif teoritikal dan salah satu teori kaunseling ialah Teori Pilihan.

Pada dasarnya setiap teori mempunyai falsafah masing-masing dalam memahami kenapa individu bermasalah. Dalam konteks Teori Pilihan, permasalahan seseorang individu dikupas dengan cara memahami keperluan asas yang tidak dapat dipenuhi dan bagaimana ia mempengaruhi tingkah laku keseluruhan. Menurut Teori Pilihan, banyak masalah timbul apabila seseorang individu tidak dapat apa yang benar-benar diinginkannya kerana konflik dengan dunia sebenar.

Menurut Amir (1987) Teori Pilihan memfokuskan pada aspek alam sadar personaliti individu dan tidak menekan aspek tidak sadar. Ia memberi tumpuan kepada tingkah laku masa kini, bagaimana tingkah laku itu membawa kegagalan atau kejayaan kepada klien. Teori ini tidak mengambil tahu tentang peristiwa yang lalu kecuali sekiranya peristiwa itu ada kaitannya dengan keadaan klien pada masa kini. Ia berpendapat bahawa masa lampau tidak dapat diubah lagi. Pandangan ini jelas bertentangan dengan Teori Psikoanalisis yang menegaskan masa lampau memainkan peranan penting dalam menentukan tingkah laku individu. Menurut Amir (1987) lagi, Teori Pilihan menekankan kepada kepentingan tanggungjawab yang merupakan





kebolehan memenuhi keperluan seseorang dan melakukan tindakan-tindakan yang tidak menyekat atau menghalang orang lain memenuhi keperluan mereka sendiri.



Hujah dan kajian yang menunjukkan keberkesanan dan kejayaan Terapi Realiti yang pada asasnya didasari oleh Teori Pilihan menguatkan lagi hujah pengkaji untuk memilih teori ini. Memahami permasalahan klien dari perspektif Teori Pilihan yang menjadi asas psikologi kepada Terapi Realiti akan dapat membantu memastikan sesi kaunseling yang menggunakan pendekatan Terapi Realiti dijalankan dengan berkesan. Mengambil hujah daripada Howatt (2000) menyatakan bahawa kebanyakan kaunselor suka menggunakan Terapi Realiti yang berasaskan Teori Pilihan kerana terapi ini bersifat mesra pengguna, terminologi agak mudah, mempunyai logik tersendiri dan menyediakan teknik soalan yang mudah untuk memahami klien (Ahmad Jazimin, 2008).



Teori Pilihan dipilih kerana teori ini nampak lebih sesuai dalam konteks Asia Wubbolding, 2004 (dalam Ahmad Jazimin, 2008). Pendapat ini dikukuhkan lagi dengan kajian yang dijalankan oleh Ahmad Jazimin (2008) tentang penggunaan Terapi Realiti dalam kalangan kaunselor di Malaysia. Hasil kajian mendapati Terapi Realiti sesuai dengan budaya dan amalan agama di Malaysia yang menekankan tanggungjawab individu dalam membuat keputusan. Walaupun terdapat situasi di mana budaya Malaysia yang mengutamakan kepatuhan kepada keluarga menjadi cabaran kepada aplikasi teori ini, semua peserta kajian bersetuju bahawa mereka boleh menggunakan Terapi Realiti dalam menangani pelbagai masalah klien. Keputusan daripada laporan sesi kaunseling pula menunjukkan klien memberikan respons yang positif ke atas penggunaan Terapi Realiti





oleh peserta kajian. Para peserta kajian berpandangan bahawa Terapi Realiti mudah digunakan, sesuai, ringkas dan menjimatkan masa terutamanya dalam setting sekolah.

Pendekatan Terapi Realiti yang lebih direktif dan aktif dalam memimpin ke arah perubahan yang spesifik juga dilihat sebagai kekuatan teori ini bersesuaian dengan fenomena di sekolah yang mana faktor kematangan klien yang terdiri daripada pelajar sekolah dan juga kekangan masa menjalankan sesi kaunseling perlu diambil kira. Teori Pemusatan Insan yang lebih kepada melayan dan mendengar misalnya akan memerlukan peruntukan masa yang lebih panjang untuk sesi kaunseling.

Kekuatan dan keupayaan teori ini diperkukuhkan lagi dengan dapatan beberapa kajian-kajian lepas seperti yang disenaraikan di bawah;



James dan Gilliland, 2003 (dalam Ahmad Jazimin, 2008) menegaskan Terapi Realiti yang didasari Teori Pilihan telah terbukti berjaya dalam institusi pendidikan bermula daripada pra sekolah sehingga ke peringkat ijazah tinggi. James dan Gilliland menyebut bahawa Glasser telah merakamkan segala pengalaman beliau dalam bukunya *Schools Without Failure* (1969) dan *Every Student Can Succeed* (2000) yang berkaitan dengan sesi kaunseling yang dijalankan di peringkat institusi pendidikan. Selain itu mengikut James dan Gilliland, pelbagai buku, bengkel, konsultasi, model latihan di sekolah, pendidikan telah dihasilkan untuk memperkembangkan Terapi Realiti. Menurut beliau lagi terapi ini berperanan dalam bidang pengajaran, disiplin, kaunseling dan membantu pihak sekolah dalam aspek pengurusan di sekolah.





Menurut Seligman, 2006 (dalam Ahmad Jazimin, 2008) Teori Pilihan adalah teori yang jelas, berfokus terus kepada masalah, memberi kuasa kepada klien membuat keputusan dan mengutamakan isu-isu yang berkaitan motivasi ke atas klien, kesempurnaan keinginan klien dan kawalan dalam diri klien.

Pengkaji juga memilih teori ini berdasarkan kesesuaian teori ini dalam membantu memahami kenapa pelajar yang dikaji bertingkah laku ponteng. Selaras dengan prinsip dalam Teori Pilihan yang menekankan tingkah laku adalah sengaja dan keseluruhannya berasal daripada dalaman individu dan bukannya daripada kuasa luaran. Walau pun faktor persekitaran mempengaruhi keputusan yang kita lakukan, namun ianya tidak menentukan perlakuan kita kerana manusia mempunyai kebebasan untuk membuat pilihan. Semua perlakuan daripada dorongan dalaman disediakan ke arah mencapai perkara untuk memuaskan satu atau lebih daripada lima keperluan asas manusia iaitu keperluan perasaan untuk mempunyai dan dipunyai, untuk berkuasa, untuk bergembira dan berseronok, untuk bebas dan merdeka dan keperluan untuk kelangsungan hidup. Konsep ini jelas berbeza dengan apa yang dibawa oleh Teori Tingkah laku yang menegaskan bahawa tingkah laku individu banyak ditentukan oleh psikologi kawalan luaran menyebabkan individu seringkali terpaksa menafikan kehendaknya. Dalam masa yang sama, pengkaji melihat kebanyakan kajian yang telah dijalankan lebih menjurus kepada mencari punca atau faktor berlakunya tingkah laku ponteng secara luaran. Setakat ini belum ada yang cuba mengkaji dan memahami permasalahan ini secara psikologikal dan lebih spesifik lagi dari perspektif Teori Pilihan.





1.11 Limitasi Kajian

Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah menengah dalam daerah Kinta Utara di negeri Perak, melibatkan pelajar-pelajar yang terlibat dengan ponteng berdasarkan rekod kehadiran. Oleh kerana kajian ini adalah merupakan kajian kes maka skopnya dibataskan bagi membolehkan kajian yang lebih mendalam dijalankan (Lim, 2007). Keputusan kajian ini adalah bergantung kepada responden yang dipilih sahaja berdasarkan kefahaman dan keikhlasan responden apabila menjawab soalan-soalan temubual.

Peserta kajian ini merupakan sekumpulan individu tertentu dan bukan merupakan subjek sampel kajian yang dipilih secara rawak daripada suatu populasi. Ia merupakan subjek dalam satu kes khusus yang dikaji, oleh itu hasil kajian hanya menerangkan ciri-ciri subjek tersebut dan tidak boleh digunakan untuk membuat generalisasi kepada mana-mana populasi. Namun, data-data yang dikumpulkan melalui kajian ini masih boleh membekalkan maklumat yang berguna kepada individu atau kumpulan individu yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan peserta kajian. Disebabkan tingkah laku manusia boleh diramalkan, maka dapatan kajian kes boleh dijadikan sebagai petunjuk untuk meramalkan tingkah laku individu yang mempunyai latar belakang dan ciri-ciri yang sama. Walau bagaimanapun, pengkaji tidak boleh mengeneralisasikan keputusan kajian ini ke atas kumpulan subjek lain yang mempunyai ciri-ciri yang sama. Keupayaan hasil kajian kes digeneralisasikan ditentukan oleh pembaca (Chua Yan Piaw, 2006).





Memandangkan kajian ini melibatkan temu bual dan analisis dokumen maka secara tidak langsung dapatan kajian ini adalah berbentuk subjektif dan bergantung kepada kebolehan pengkaji untuk mentafsir hasil temu bual dan juga bergantung sejauh mana peserta kajian bersedia untuk memberi jawapan yang benar kepada setiap soalan temu bual yang diajukan. Ringkasnya, kebolehpercayaan kajian adalah berdasarkan kerjasama yang diberikan oleh peserta kajian semasa di temu bual. Dalam masa yang sama faktor keadaan persekitaran juga memainkan peranan. Ini kerana peserta kajian adalah merupakan manusia biasa yang tidak terkecuali dari mengalami perubahan emosi secara tidak disedari. Oleh kerana faktor luaran dan dalaman adalah sesuatu yang sukar dikawal, maka kemungkinan besar ia akan menjejaskan kebolehpercayaan keputusan kajian. Maklumat akhir yang diperolehi dalam kajian adalah hanya merupakan pengetahuan psikologi berdasarkan Teori Pilihan. Bagaimanapun maklumat ini nanti boleh diguna pakai dan dijadikan asas panduan dalam membina modul rawatan.

Kupasan dapatan kajian pula akan hanya memfokuskan kepada memahami kenapa pelajar bertingkah laku ponteng dari sudut psikologikal yang berlandaskan kepada Teori Pilihan.

Bagi mengurangkan kemungkinan berlakunya bias semasa proses pemilihan peserta kajian maka pengkaji telah menyatakan dengan jelas ciri-ciri peserta kajian yang dikehendaki seperti yang telah diterangkan dalam definisi konsep dan diulang semula dalam Bab 3 di bawah tajuk peserta kajian.





1.12 Rumusan

Umumnya, berdasarkan kajian-kajian yang telah dibuat jelas membuktikan bahawa pelajar yang terlibat dengan salah laku ponteng terutama ponteng sekolah, secara tidak langsung akan turut menghadapi masalah akademik dan sosial. Di samping itu, pelajar yang selalu ponteng sekolah akan turut terlibat dengan lain-lain masalah delinkuen dan jenayah yang boleh menjejaskan sistem sosial. Di Malaysia, salah laku ponteng di kalangan pelajar-pelajar sekolah bukanlah satu isu yang baru. Jika di luar bandar pelajar-pelajar menjadikan lokasi seperti kebun, dusun, sungai atau pun rumah kawan sebagai tempat untuk mereka ponteng. Sementara bagi pelajar-pelajar di bandar pula menjadikan tempat-tempat seperti kompleks beli belah dan siber kafe sebagai tempat melepak ketika ponteng. Salah laku ponteng sekolah disebabkan oleh banyak faktor. Antaranya ialah faktor keluarga, sosioekonomi, tekanan persekitaran, masyarakat mahu pun diri sendiri.

Justeru itu, pada dasarnya, satu pendekatan sistematik diperlukan bagi memastikan pelajar yang terlibat dengan perlakuan ponteng tidak terjerumus lebih jauh. Usaha mencegah ini memerlukan orientasi yang mendalam terhadap fakta-fakta pelajar ponteng dan rawatan yang teruji keberkesannya.

Kesimpulannya pemahaman kenapa pelajar ponteng dari aspek psikologikal akan membolehkan kemudiannya modul rawatan yang berteraskan pendekatan psikologi dibina. Modul rawatan yang dibina berdasarkan kepada pemahaman dari aspek psikologikal akan lebih berfokus dan menjurus kepada merawat apa yang sepatutnya.

